



الْإِسْلَامُ
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

GARIS PANDUAN

**PELAKSANAAN MESYUARAT AGUNG KHAS
PENCALONAN DAN PEMILIHAN ANGGOTA
JAWATANKUASA SURAU DAN PEMERIKSA
KIRA-KIRA DI NEGERI SELANGOR**

&

**PENDAFTARAN AHLI KARIAH MASJID
DAN SURAU NEGERI SELANGOR**





جَبَاتَانِ اِغَامَا اِسْلَامِ سِلَانْغُورِ
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

GARIS PANDUAN



**PELAKSANAAN MESYUARAT AGUNG KHAS
PENCALONAN DAN PEMILIHAN ANGGOTA
JAWATANKUASA SURAU DAN PEMERIKSA
KIRA-KIRA DI NEGERI SELANGOR**

&

**PENDAFTARAN AHLI KARIAH MASJID
DAN SURAU NEGERI SELANGOR**



UCAPAN ALU-ALUAN

Assalamualaikum wr. wbt.

Setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah inayah dan IzinNya, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Selangor telah berjaya menyusun dan mengemaskini Garis Panduan Pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau Dan Pemeriksa Kira- Kira di Negeri Selangor dan Garis Panduan Pendaftaran Ahli Kariah Masjid dan Surau Negeri Selangor.

Garis Panduan yang lebih lengkap, mudah dirujuk dan difahami ini diharapkan dapat menjadi panduan kepada MAIS, JAIS dan seluruh Anggota Jawatankuasa Surau di Negeri Selangor dalam melaksanakan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira- Kira yang baru bagi surau- surau di Negeri Selangor setiap tiga tahun.

Semoga Garis Panduan ini akan membantu semua pihak untuk memilih dan mencalonkan individu yang berkelayakan dan mempunyai komitmen yang tinggi untuk mentadbir masjid dan surau di Negeri Selangor demi merealisasikan masjid dan surau sebagai “Pusat Transformasi dan Penyatuan Ummah” dan “Masjid Jantung Pembangunan Ummah” seperti yang diharapkan.

Wassalam

Setiausaha,
Majlis Agama Islam Selangor





ISI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	M/S
1	Ucapan Alu-aluan	1
2	Isi Kandungan	2
3	GARIS PANDUAN PELAKSANAAN MESYUARAT AGUNG KHAS PENCALONAN DAN PEMILIHAN ANGGOTA JAWATANKUASA SURAU DAN PEMERIKSA KIRA- KIRA DI NEGERI SELANGOR	4
	1) Nama, Pemakaian, Latar Belakang dan Tujuan	5
	2) Bahagian A: Kelayakan Calon Anggota Jawatankuas Surau dan Pemeriksa Kira- Kira	7
	i. Kelayakan Pencalonan Anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira- kira	
	3) Bahagian B: Tatacara Pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira- kira	11
	i. Arahan Majlis Agama Islam Selangor	
	ii. Taklimat Khas	
	iii. Persediaan Bagi Pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas	
	iv. Notis dan Hebahan	
	v. Pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan	
	vi. Tindakan Pasca Mesyuarat	
	4) Bahagian C: Proses Semakan dan Tapisan	18
	i. Penerimaan Dokumen Mesyuarat Agung Khas	
	ii. Penilaian dan Pemilihan Calon	
	5) Bahagian D: Proses Pelantikan	20
	i. Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor	
	ii. Majlis Agama Islam Selangor	
	iii. Tempoh Lantikan	
	iv. Tauliah dan Lantikan	
	v. Pengisytiharan Pelantikan	
	vi. Serah tugas	



	6) Bahagian E: Pelbagai i. Pengecualian ii. Pemansuhan iii. Tarikh Kuatkuasa	22
	7) Bahagian F: Borang- Borang i. Borang Perakuan Maklumat Diri ii. Borang Pencalonan Anggota Jawatankuasa Surau ii. Borang Pemilihan Lain-lain Anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira-kira iii. Borang Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira- Kira Oleh Panel Pencalonan dan Pemilihan Peringkat Daerah iv. Senarai Pelantikan Anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira- Kira	23
4	GARIS PANDUAN PENDAFTARAN AHLI KARIAH MASJID DAN SURAU NEGERI SELANGOR 1) Nama, Pemakaian, Latar Belakang dan Tujuan 2) Penetapan Ahli Kariah i. Syarat Ahli Kariah Yang Layak berdaftar ii. Penetapan Sempadan Kariah Antara Masjid dan Antara Surau iii. Peranan Jawatankuasa Kariah dan Jawatankuasa Surau iv. Kaedah Pendaftaran Ahli Kariah v. Lucut Keahlian Sebagai Ahli Kariah vi. Bantahan/ Aduan/ Keciciran 3) Tarikh Kuat Kuasa 4) Pemansuhan 5) Borang Pendaftaran Ahli Kariah Masjid dan Surau Negeri Selangor	34 35 36 40 40 41





جَبَاتَانِ اِغَامَا اِسْلَامِ سِلَانْغُورِ
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
MESYUARAT AGUNG KHAS
PENCALONAN DAN PEMILIHAN
ANGGOTA JAWATANKUASA
SURAU DAN PEMERIKSA KIRA-
KIRA DI NEGERI SELANGOR**



GARIS PANDUAN PELAKSANAAN MESYUARAT AGUNG KHAS PENCALONAN DAN PEMILIHAN ANGGOTA JAWATANKUASA SURAU DAN PEMERIKSA KIRA- KIRA DI NEGERI SELANGOR

1. NAMA

Garis Panduan ini bolehlah dinamakan Garis Panduan Pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira- kira di Negeri Selangor.

2. PEMAKAIAN

Garis Panduan ini hendaklah terpakai kepada semua surau berdaftar di Negeri Selangor kecuali surau yang diwartakan di bawah seksyen 105 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 ("EPAINS") dalam melaksanakan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira- Kira.

3. LATAR BELAKANG

3.1 Pada Mac 2017, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor telah memperkenankan penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Masjid dan Surau (Negeri Selangor) 2017 bagi menggantikan Kaedah-Kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) 1995. Peraturan-peraturan ini telah diwartakan pada 16 Mac 2017 dan hendaklah digunapakai oleh seluruh Jawatankuasa Masjid dan Surau di Negeri Selangor sebagai panduan dan rujukan dalam mentadbir, mengurus dan mengimarahkan masjid dan surau.

3.2 Garis Panduan ini diwujudkan selaras dengan penguatkuasaan Peraturan- Peraturan Masjid dan Surau (Negeri Selangor) 2017.

3.3 Garis Panduan ini adalah sebagai rujukan dan panduan kepada pegawai Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Jawatankuasa





Masjid dan Jawatankuasa Surau bagi memastikan proses pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau dapat dijalankan secara telus dan teratur.

3.4 Garis panduan ini mengandungi 6 bahagian iaitu :

- a) Bahagian A: Kelayakan calon anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira- Kira.
- b) Bahagian B: Tatacara pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira- kira.
- c) Bahagian C: Proses semakan dan tapisan.
- d) Bahagian D: Proses pelantikan.
- e) Bahagian E: Pelbagai.
- f) Bahagian F: Borang-borang.

3.5 Garis Panduan ini telah dibangunkan dengan kerjasama Bahagian Undang- Undang MAIS, Bahagian Pengurusan Masjid JAIS dan Pejabat Agama Islam Daerah.

3.6 Garis Panduan ini telah dibentangkan dan dipertimbangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor Bil. 2/2019 yang bersidang pada 17 April 2019. Seterusnya, Garis Panduan ini juga telah diluluskan oleh Mesyuarat MAIS Bil. 4/ 2019 yang bersidang pada 28 Mei 2019.

4. TUJUAN

Garis Panduan ini diwujudkan untuk melaksanakan kehendak—

- a) seksyen 104 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003; dan



- b) Bahagian IV Peraturan-Peraturan Masjid dan Surau (Negeri Selangor) 2017, berhubung Jawatankuasa Surau.

BAHAGIAN A KELAYAKAN CALON ANGGOTA JAWATANKUASA SURAU DAN PEMERIKSA KIRA- KIRA

5. KELAYAKAN PENCALONAN ANGGOTA JAWATANKUASA SURAU DAN PEMERIKSA KIRA- KIRA

5.1 Calon yang dinamakan hendaklah memenuhi syarat-syarat kelayakan umum yang dinyatakan dalam peraturan 29 yang dibaca bersama dengan peraturan 4, Peraturan-Peraturan Masjid dan Surau (Negeri Selangor) 2017, iaitu:

- a) berumur tidak kurang daripada 21 tahun dan tidak lebih daripada 65 tahun;
- b) beragama Islam, warganegara Malaysia dan tinggal bermastautin atau bermukim serta berdaftar sebagai ahli kariah dalam kariah surau itu;
- c) berpegang dan beramal dengan ajaran Ahli Sunah Wal Jamaah dari segi akidah, Syariah dan akhlak;
- d) mempunyai pengetahuan agama Islam merangkumi asas fardu ain yang kukuh, berakhlak mulia dan melibatkan diri dalam aktiviti masjid atau surau;
- e) boleh membaca, menulis dan mengira;
- f) sihat tubuh badan dan mental;
- g) mempunyai daya kepimpinan;
- h) beraku janji mematuhi undang-undang, fatwa dan garis panduan berkaitan dengan pengurusan masjid;





- i) sentiasa menjalin hubungan baik dengan ahli kariah;
- j) tidak disabitkan dengan kesalahan jenayah dalam mana-mana Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah;
- k) pelantikannya sebagai Jawatankuasa Kariah atau Jawatankuasa Surau dalam sesi pelantikan sebelumnya tidak ditamatkan atau dibatalkan oleh MAIS;
- l) tidak diisytiharkan bankrap yang belum dilepaskan;
- m) tidak menjadi Penasihat bagi mana-mana masjid dalam mukim dan kampung yang berkenaan pada masa pencalonan;
- n) tidak meletakkan jawatan sebagai Jawatankuasa Kariah atau Jawatankuasa Surau tanpa alasan yang munasabah dalam sesi pelantikan sebelum pencalonan dibuat; dan
- o) tidak memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik.

5.2 Berdasarkan peraturan 29 yang dibaca bersama dengan subperaturan 4(3) Peraturan- Peraturan Masjid dan Surau (Negeri Selangor) 2017, keutamaan pencalonan anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira- Kira boleh diberikan kepada mana-mana orang yang mempunyai kelayakan mengikut jawatan seperti berikut:

5.2.1 Calon Pengerusi

- a) memiliki pengalaman dalam bidang pengurusan dan pentadbiran;
- b) memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Menengah Agama (SMA) atau yang setaraf dengannya;
- c) berkeupayaan memberikan nasihat dan bimbingan kepada jawatankuasa dan ahli kariah; dan



- d) berkeupayaan mengimamkan sembahyang, menyampaikan khutbah dan memimpin majlis tahlil.

5.2.2 Calon Timbalan Pengerusi

- a) Memiliki pengalaman dalam bidang pengurusan dan pentadbiran;
- b) Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Menengah Agama (SMA) atau yang setaraf dengannya;
- c) Berkeupayaan memberikannasihatdanbimbingankepada jawatankuasa dan ahli kariah; dan
- d) Berkeupayaan mengimamkan sembahyang, menyampaikan khutbah dan memimpin majlis tahlil.

5.2.3 Calon Imam

- a) mahir dalam bacaan al-Quran dan menghafaz beberapa surah dalam al-Quran;
- b) berkeupayaan menyampaikan khutbah dengan baik;
- c) memiliki Sijil Menengah Agama (SMA) / Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) / Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / 4 Thanawi / Sijil Tahfiz atau lain-lain sijil berkaitan dengan pendidikan Islam;
- d) calon yang tidak memiliki mana-mana sijil seperti yang dinyatakan di perenggan (c) boleh dipertimbangkan sekiranya berkeupayaan mengetuai urusan fardu ain dan fardu kifayah; dan
- e) tidak merokok.





5.2.4 Calon Bilal

- a) memiliki pengalaman dan kemahiran sebagai muazzin;
- b) mempunyai suara yang jelas dan lantang; dan
- c) mengetahui urusan fardu ain dan fardu kifayah.

5.2.5 Calon Siak

- a) memiliki kemahiran dalam melaksanakan tugas-tugas siak yang merangkumi pembersihan, keceriaan dan keselamatan kawasan surau.

5.2.6 Calon Setiausaha

- a) Memiliki pengalaman dalam bidang pengurusan dan pentadbiran; dan
- b) Mempunyai pengetahuan asas pengendalian komputer.

5.2.7 Calon Bendahari

- a) Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM);
- b) Memiliki pengetahuan asas pengurusan kewangan dan perakaunan; dan
- c) Mempunyai pengetahuan asas pengendalian komputer.

5.2.8 Calon Pemeriksa Kira-Kira

- a) Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM);
- b) Memiliki pengetahuan asas pengurusan kewangan dan perakaunan; atau



- c) Memiliki pengalaman atau berkemahiran dalam bidang pengurusan kewangan atau tugas-tugas pengauditan.

5.3 Seseorang yang telah dilantik memegang mana-mana jawatan Pegawai Masjid bagi sesuatu masjid atau dilantik menganggotai Jawatankuasa Surau bagi sesuatu surau tidak boleh dilantik untuk menganggotai Jawatankuasa Surau bagi surau yang lain.

BAHAGIAN B

TATACARA PELAKSANAAN MESYUARAT AGUNG KHAS PENCALONAN DAN PEMILIHAN ANGGOTA JAWATANKUASA SURAU DAN PEMERIKSA KIRA- KIRA

6. ARAHAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

Semua surau hendaklah mengadakan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira- kira sebelum berakhirnya tempoh pelantikan Jawatankuasa Surau sedia ada dan selepas menerima arahan MAIS.

7. TAKLIMAT KHAS

Satu sesi taklimat bagi memberi penerangan berhubung dengan pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira-kira akan dilaksanakan di peringkat daerah oleh Bahagian Pengurusan Masjid kepada semua Jawatankuasa Surau.

8. PERSEDIAAN BAGI PELAKSANAAN MESYUARAT AGUNG KHAS PENCALONAN DAN PEMILIHAN ANGGOTA JAWATANKUASA SURAU DAN PEMERIKSA KIRA-KIRA

Pengerusi Surau hendaklah mengadakan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Surau bagi membincangkan persediaan bagi pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira- kira seperti berikut:





- a) merujuk persempadanan kariah surau yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor (JATUMS);
- b) mengemas kini dan mempamerkan daftar ahli kariah dengan merujuk Garis Panduan Pendaftaran Ahli Kariah Masjid dan Surau Negeri Selangor;
- c) menetapkan cadangan tarikh pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau dan Pemerikasa Kira-kira
- d) menyampaikan notis memanggil mesyuarat atau membuat hebahan tarikh mesyuarat kepada ahli kariah; dan
- e) melantik petugas mesyuarat.

9. PENYAMPAIAN NOTIS DAN HEBAHAN MESYUARAT AGUNG KHAS PENCALONAN DAN PEMILIHAN ANGGOTA JAWATANKUASA SURAU DAN PEMERIKSA KIRA- KIRA

9.1 Pemakluman berhubung tarikh, masa dan tempat Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira- kira hendaklah disampaikan kepada ahli kariah melalui notis atau hebahan melalui apa-apa cara lain yang difikirkan sesuai seperti berikut:

- a) Pemakluman sebelum atau selepas sembahyang Jumaat;
- b) Kain rentang;
- c) Risalah (flyers); atau
- d) Media sosial.





9.2 Penyampaian notis yang dikeluarkan oleh Setiausaha Jawatankuasa Surau atau hebahan berhubung dengan tarikh, masa dan tempat mesyuarat seperti yang dinyatakan dalam notis hendaklah dibuat sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira- kira diadakan.

9.3 Satu salinan notis Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira- kira hendaklah dihantar kepada Pegawai Tadbir Agama Daerah yang berkenaan.

10. PELAKSANAAN MESYUARAT AGUNG KHAS PENCALONAN DAN PEMILIHAN

10.1 Ahli kariah yang hadir di dalam Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira- kira hendaklah bermastautin atau bermukim dan berdaftar sebagai ahli kariah dalam kariah surau tersebut.

10.2 Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira- kira hendaklah dipengerusikan oleh orang yang ditentukan oleh Pengerusi JATUMS yang terdiri daripada:

a) anggota Jawatankuasa Kariah bagi surau di bawah kariah masjid itu; atau

b) mana-mana Pegawai JAIS atau Pegawai MAIS.

10.3 Pengerusi mesyuarat boleh menangguhkan mesyuarat jika:

a) pendaftaran ahli kariah tidak dibuat mengikut Garis Panduan Pendaftaran Ahli Kariah Masjid dan Surau Negeri Selangor;





- b) timbul pertikaian dan perselisihan yang tidak boleh dikawal oleh pengerusi;
 - c) kuorum mesyuarat tidak mencukupi had minima yang ditetapkan; atau
 - d) penyampaian notis mesyuarat atau hebahan berhubung dengan mesyuarat dibuat kurang daripada 14 hari dari tarikh mesyuarat.
- 10.4 Empat puluh orang atau satu perempat daripada ahli kariah yang berdaftar dalam kariah surau, mengikut mana-mana bilangan yang lebih rendah, hendaklah membentuk kuorum bagi Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira- kira.
- 10.5 Suatu notis bagi Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira- kira yang baru hendaklah dikeluarkan sekiranya mesyuarat yang diadakan kali pertama telah ditangguhkan atas apa-apa sebab yang dinyatakan dalam garis panduan 10.3.
- 10.6 Sekiranya Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira- kira yang diadakan kali kedua masih gagal membentuk kuorum, mesyuarat itu hendaklah diteruskan dan dianggap sah.
- 10.7 Keputusan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira- kira hendaklah dibuat secara sebulat suara atau lebih suara ahli kariah berdaftar yang hadir.
- 10.8 Pegawai Tadbir Agama Daerah atau wakilnya boleh menyelia pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira- kira yang dipengerusikan oleh anggota Jawatankuasa Kariah bagi surau di bawah kariah masjid itu.



10.9 Agenda mesyuarat adalah seperti yang berikut:

- i. Bacaan surah Al-Fatihah dan doa selamat;
- ii. Ucapan Pengerusi;
- iii. Taklimat khas tatacara pencalonan dan pemilihan;
- iv. Sesi pencalonan anggota Jawatankuasa Surau;
- v. Sesi pemilihan lain-lain anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira- kira; dan
- vi. Penangguhan mesyuarat dengan bacaan surah al-Asr.

10.10 Pencalonan Anggota Jawatankuasa Surau Ahli kariah hendaklah mencalonkan sekurang-kurangnya seorang bagi setiap jawatan yang berikut:

- a) Pengerusi;
- b) Timbalan Pengerusi;
- c) Imam;
- d) Bilal; dan
- e) Siak.

10.11 Pemilihan Setiausaha

Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira- kira hendaklah melalui undi majoriti ahli kariah berdaftar yang hadir, menentukan salah satu daripada kaedah pemilihan Setiausaha bagi surau tersebut seperti berikut:

- i. Ahli kariah memberi kuasa kepada Pengerusi surau yang akan dilantik oleh MAIS untuk menamakan Setiausaha





daripada kalangan ahli kariah yang memenuhi syarat-syarat kelayakan dan keutamaan dalam Garis Panduan Pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira-kira dalam tempoh 14 hari selepas pelantikan Pengerusi surau itu. Calon yang dinamakan hendaklah melengkapkan borang maklumat diri yang ditetapkan; atau

- ii. Memilih Setiausaha mengikut kaedah pemilihan lain-lain anggota Jawatankuasa Surau seperti dalam garis panduan 10.12.

10.12 Pemilihan Lain-Lain Anggota Jawatankuasa Surau Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira-kira hendaklah memilih lain-lain anggota Jawatankuasa Surau daripada senarai pencalonan ahli kariah bagi jawatan yang berikut:

- i. Bendahari;
- ii. Penolong Bendahari; dan
- iii. Tidak lebih enam (6) orang anggota lain yang terdiri daripada:
 - seorang wakil pemuda;
 - seorang wakil muslimat;
 - seorang pengurus jenazah muslimat; dan
 - tidak lebih tiga (3) orang anggota yang lain.

10.13 Pemilihan Pemeriksa Kira-Kira

Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira-kira hendaklah





memilih dua (2) orang Pemeriksa Kira-kira bagi surau tersebut yang akan dilantik oleh MAIS.

10.14 Kelayakan Pencalonan

- a) Pencalonan untuk sesuatu nama hanya dibolehkan untuk satu (1) jawatan sahaja.
- b) Mesyuarat boleh mempertimbang dan menerima sebarang pencalonan yang dibuat melalui surat wakil kuasa (proxy) bagi calon yang tidak hadir mesyuarat dengan alasan yang munasabah.
- c) Setiap calon hendaklah mengisi Borang Perakuan Maklumat Diri yang ditetapkan dan menyerahkan kepada Setiausaha Surau dalam tempoh tiga (3) hari selepas mesyuarat.

10.15 Setiausaha mesyuarat hendaklah mencatat perjalanan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira- kira serta melengkapkan borang-borang seperti berikut :

- a) Borang Pencalonan Anggota Jawatankuasa Surau; dan
- b) Borang Pemilihan Lain-Lain Anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira-kira .

11. TINDAKAN PASCA MESYUARAT

Pengerusi atau Setiausaha sedia ada bagi sesuatu surau hendaklah dalam tempoh 7 hari selepas Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira- kira diadakan, menyerahkan kepada Pegawai Tadbir Agama Islam Daerah dokumen-dokumen seperti berikut:

- a) Minit Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau yang disahkan oleh Pengerusi mesyuarat;





- b) Borang Pencalonan Anggota Jawatankuasa Surau;
- c) Borang Pemilihan Lain-Lain Anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira- Kira ; dan
- d) Borang Perakuan Maklumat Diri bagi setiap calon anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira- Kira.

BAHAGIAN C PROSES SEMAKAN DAN TAPISAN

12. PENERIMAAN DOKUMEN MESYUARAT AGUNG KHAS

- 12.1 Pegawai Tadbir Agama Daerah atau wakilnya hendaklah menerima dan menyemak minit dan borang yang diserahkan.
- 12.2 Pegawai Tadbir Agama Daerah boleh mengarahkan Pengerusi atau Setiausaha sedia ada untuk melengkapkan borang-borang yang tidak lengkap.

13. PENILAIAN DAN PEMILIHAN CALON ANGGOTA JAWATANKUASA SURAU DAN PEMERIKSA KIRA- KIRA

- 13.1 JATUMS boleh menetapkan apa- apa kaedah saringan bagi tujuan pemilihan anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira- Kira.
- 13.2. Setelah saringan dibuat, penilaian akhir bagi keseluruhan pemilihan calon anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira- Kira akan dilaksanakan oleh Panel Pencalonan dan Pemilihan Peringkat Daerah.
- 13.3 Keanggotaan Panel Pencalonan dan Pemilihan Peringkat Daerah adalah terdiri daripada :-
 - a) Pengerusi :
Yang Dihormati Orang Besar Daerah





- b) Timbalan Pengerusi :
Pegawai Tadbir Agama Daerah
- c) Ahli :
 - i. Pegawai Daerah atau wakilnya;
 - ii. Ketua Polis Daerah atau wakilnya;
 - iii. Ketua Unit Dakwah Daerah;
 - iv. Ketua Unit Penguatkuasa Agama Daerah;
 - v. Pegawai MAIS yang berkhidmat di daerah yang berkenaan; dan
 - vi. Penghulu Mukim.
- d) Setiausaha :

Ketua Unit Pengurusan Masjid di Pejabat Agama Islam Daerah yang berkenaan.

13.4 Fungsi Panel Pencalonan dan Pemilihan Peringkat Daerah

- a) Membuat penilaian akhir bagi keseluruhan pemilihan calon bagi anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira-Kira;
- b) Mencadangkan calon ganti bagi calon anggota Jawatankuasa Surau yang didapati hilang kelayakan; dan
- c) Mengesyorkan calon yang dipilih sebagai anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira- Kira untuk pertimbangan JATUMS.

13.5 Setiausaha Panel Pencalonan dan Pemilihan Peringkat Daerah hendaklah—





- a) Merekodkan perjalanan apa-apa tatacara dan keputusan yang dibuat oleh Panel Pencalonan dan Pemilihan Peringkat Daerah; dan
- b) Melengkapkan Borang Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira-kira sebelum diserahkan kepada Setiausaha JATUMS.

BAHAGIAN D PROSES PELANTIKAN

14. JAWATANKUASA TADBIR URUS MASJID DAN SURAU NEGERI SELANGOR.

- 14.1 Jawatankuasa ini boleh memutuskan pelantikan Panel Pencalonan Dan Pemilihan Peringkat Daerah bagi menyemak dan mengenalpasti calon-calon anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira-kira yang telah dipilih.
- 14.2 Jawatankuasa ini berperanan untuk menasihati dan mengesyorkan pelantikan anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira-kira kepada MAIS.

15. MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

Mesyuarat MAIS hendaklah meluluskan dan mengesahkan pelantikan anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira-kira untuk tujuan pentauliahan.

16. TEMPOH LANTIKAN

- 16.1 Tempoh pelantikan anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira-kira adalah selama tempoh 3 tahun atau apa-apa tempoh lain yang ditetapkan oleh MAIS.
- 16.2 Walau bagaimanapun bagi jawatan Pengerusi, tempoh pelantikannya itu tidak boleh melebihi dua (2) penggal



berturut-turut bermula sesi pelantikan 2017 – 2019 kecuali dengan kebenaran MAIS.

17. TAULIAH DAN LANTIKAN

- 17.1 Setiausaha Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor hendaklah menyediakan senarai anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira- Kira yang dilantik untuk disahkan oleh Setiausaha MAIS.
- 17.2 Setiausaha Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor boleh menyediakan tauliah pelantikan anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira- Kira untuk ditandatangani oleh Setiausaha MAIS setelah senarai pelantikan disahkan.

18. PENGISYTIHARAN PELANTIKAN

Pegawai Tadbir Agama Daerah atau wakilnya boleh membuat pengisytiharan pelantikan anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira- Kira bagi setiap surau di daerah masing-masing mengikut apa-apa cara yang difikirkan sesuai.

19. SERAH TUGAS

- 19.1 Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari bagi Jawatankuasa Surau sesi terdahulu hendaklah melengkapkan Dokumen Serah Tugas (Borang K) seperti yang terkandung dalam Garis Panduan Pengurusan Kewangan Masjid dan Surau Negeri Selangor dalam tempoh selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum sesi pelantikan Jawatankuasa Surau berakhir.
- 19.2 Penyerahan tugas kepada Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari Jawatankuasa Surau yang baru hendaklah dibuat selewat-lewatnya tujuh (7) hari selepas pengisytiharan pelantikan dilaksanakan.





19.3 Sesalinan (Borang K) yang telah dilengkapkan hendaklah diserahkan kepada Pegawai Tadbir Agama Daerah melalui Nazir masjid sebagai rujukan.

BAHAGIAN E PELBAGAI

20. PENGECUALIAN

Pencalonan atau pemilihan anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira- Kira yang tidak memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam garis panduan ini hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor untuk diputuskan sebelum disyorkan untuk kelulusan dalam mesyuarat MAIS.

21. PEMANSUHAN

Dengan berkuat kuasanya garis panduan ini maka Garis Panduan Pemilihan Calon Pegawai Surau oleh Majlis Agama Islam Selangor dan Garis Panduan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau Negeri Selangor adalah dimansuhkan.

22. TARIKH KUATKUASA

Garis Panduan ini hendaklah mula berkuatkuasa mulai 01 Julai 2019.

Setiausaha
Majlis Agama Islam Selangor



**BAHAGIAN F :
BORANG-BORANG**





BORANG PERAKUAN MAKLUMAT DIRI

BIL.	PERKARA	MAKLUMAT DIRI
1.	NAMA	
2.	NO KAD PENGENALAN	
3.	ALAMAT RUMAH	
4.	NO TELEFON	
5.	UMUR	
6.	STATUS	() BERKAHWIN () BUJANG
7.	PEKERJAAN	
8.	KELAYAKAN AKADEMIK	
9.	CALON BAGI JAWATAN	
10.	TANDAKAN (/) BAGI PERKARA BERIKUT: a) Tinggal Dalam Sempadan Kariah dan Berdaftar b) Memegang Jawatan Dalam Mana-Mana Parti Politik c) Bankrap Yang Belum Dilepaskan d) Disabitkan Dalam Mana-Mana Kes Jenayah Sivil/ Syariah	 Ya () Tidak () Ya () Tidak () Jika Ya, Sila Nyatakan Jawatan: _____ Ya () Tidak () Ya () Tidak ()

Saya mengakui segala maklumat yang diberikan adalah benar, Sekiranya didapati maklumat yang diberikan tidak benar, saya bersetuju agar pencalonan atau pelantikan saya dibatalkan.

Yang Benar,

()

Borang ini hendaklah diserahkan kepada Setiausaha Surau dalam tempoh tiga (3) hari Selepas Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan dilaksanakan



TAHUN _____

NAMA SURAU : KARIAH MASJID :
 DAERAH : TARIKH MESYUARAT :

CALON ANGGOTA JAWATANKUASA SURAU

BIL	JAWATAN	NAMA PENUH	NO. KAD PENGENALAN	UMUR	ALAMAT DAN NO. TEL.	KELAYAKAN	CATATAN
01	PENGERUSI						
02	TIMBALAN PENGERUSI						
03	IMAM						
04	BILAL						
05	SIK						

NOTA

*Sekiranya terdapat penambahan jumlah calon, sila buat penambahan kepada ruang yang telah sedia ada.





Disediakan oleh :

(Setiausaha Surau/ Setiausaha Mesyuarat)

Tarikh :

Disemak oleh :

(Pengerusi Surau / Pengerusi Mesyuarat)

Tarikh :

Disahkan oleh:

(Pegawai Masjid atau Wakilnya)

Tarikh :



BORANG PEMILIHAN LAIN-LAIN ANGGOTA JAWATANKUASA SURAU DAN PEMERIKSA KIRA-KIRA

TAHUN:

NAMA SURAU :
DAERAH :
KARIAH MASJID :
TARIKH MESYUARAT :

ANGGOTA JAWATANKUASA SURAU

BIL	JAWATAN	NAMA PENUH	NO. KAD PENGENALAN	UMUR	ALAMAT DAN NO.TEL.	KELAYAKAN	CATATAN
01	SETIAUSAHA						
02	BENDAHARI						
03	PENOLONG BENDAHARI						
04	WAKIL PEMUDA						
05	WAKIL MUSLIMAT						
06	PENGURUS JENAZAH MUSLIMAT						
07	AJK						





BIL	JAWATAN	NAMA PENUH	KAD PENGENALAN	UMUR	ALAMAT DAN NO.TEL	KELAYAKAN	CATATAN
08	AJK						
09	AJK						

PEMERIKSA KIRA- KIRA

01	PEMERIKSA KIRA-KIRA I						
02	PEMERIKSA KIRA-KIRA II						

Disediakan oleh :

(Setiausaha Surau)

Tarikh :

Disemak oleh :

(Pengerusi Surau / Pengerusi Mesyuarat)

Tarikh :

Disahkan oleh:

(Pegawai Masjid atau wakilnya)

Tarikh :



**BORANG PEMILIHAN ANGGOTA JAWATANKUASA SURAU DAN PEMERIKSA KIRA- KIRA TAHUN
OLEH PANEL PENCALONAN DAN PEMILIHAN PERINGKAT DAERAH**

NAMA SURAU :

KARIAH MASJID :

DAERAH :

TARIKH MESYUARAT :

A. CALON ANGGOTA JAWATANKUASA SURAU

BIL	JAWATAN	NAMA PENUH	KAD PENGENALAN	UMUR	ALAMAT DAN NO.TEL	KELAYAKAN	CATATAN
01	PENGERUSI						
02	TIMBALAN PENGERUSI						
03	IMAM						
04	BILAL						
05	SIAK						
06	SETIAUSAHA						
07	BENDAHARI						





BIL	JAWATAN	NAMA PENUH	KAD PENGENALAN	UMUR	ALAMAT DAN NO.TEL	KELAYAKAN	CATATAN
08	PENOLONG BENDAHARI						
09	WAKIL PEMUDA						
10	WAKIL MUSLIMAT						
11	PENGURUS JENAZAH MUSLIMAT						
12	AJK						
13	AJK						
14	AJK						

B. CALON PEMERIKSA KIRA- KIRA

01	PEMERIKSA KIRA-KIRA I						
02	PEMERIKSA KIRA-KIRA II						



Disediakan oleh :

(Unit Pengurusan Masjid Daerah / Setiausaha Panel)

Tarikh :

Disahkan Oleh :

(Orang Besar Daerah/ Pengerusi Panel)

Tarikh :

Disemak Oleh :

(Pegawai Tadbir Agama Daerah / Timb. Pengerusi Panel)

Tarikh :





**SENARAI PELANTIKAN ANGGOTA JAWATANKUASA SURAU DAN
PEMERIKSA KIRA- KIRA
BAGI TEMPOH**

Surau		Kariah Masjid	
Alamat		Daerah	

ANGGOTA JAWATANKUASA SURAU

Bil	Nama	No K/P	Jawatan
1.			PENGERUSI
2.			TIMBALAN PENERUSI
3.			IMAM
4.			BILAL
5.			SIAK
6.			SETIAUSAHA
7.			BENDAHARI
8.			PENOLONG BENDAHARI
9.			WAKIL PEMUDA
10.			WAKIL MUSLIMAT
11.			PENGURUS JENAZAH MUSLIMAT
12.			AJK
13.			AJK
14.			AJK





PEMERIKSA KIRA- KIRA

1.			Pemeriksa Kira-Kira I
2.			Pemeriksa Kira-Kira II

**Pelantikan Ini Hendaklah Tertakluk Kepada Peraturan- Peraturan Masjid Dan Surau
(Negeri Selangor) 2017.**

Saya yang menjalankan amanah:

.....
Setiausaha
Majlis Agama Islam Selangor

Tarikh:





جَبَاتَانِ اِغَامَا اِسْلَامِ سِلَانْغُورِ
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

GARIS PANDUAN PENDAFTARAN AHLI KARIAH MASJID DAN SURAU NEGERI SELANGOR

GARIS PANDUAN PENDAFTARAN AHLI KARIAH MASJID DAN SURAU NEGERI SELANGOR

1. NAMA

Garis panduan ini bolehlah dinamakan Garis Panduan Pendaftaran Ahli Kariah Masjid dan Surau Negeri Selangor

2. PEMAKAIAN

Garis panduan ini hendaklah terpakai untuk pendaftaran ahli kariah masjid dan surau di Negeri Selangor bagi melayakkan kehadiran dan penglibatan ahli kariah dalam Mesyuarat Agung Tahunan, Mesyuarat Agung Khas atau Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah Masjid dan Mesyuarat Agung Tahunan, Mesyuarat Agung Khas atau Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau Negeri Selangor.

3. LATAR BELAKANG

- 3.1 Masjid dan surau hendaklah melaksanakan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan bagi anggota Jawatankuasa Kariah atau Jawatankuasa Surau yang bertanggungjawab mentadbir dan mengimarahkan masjid dan surau. Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan pemilihan tersebut, setiap masjid dan surau perlu membuat persempadanan bagi memudahkan ahli kariah membuat pendaftaran ahli kariah di masjid atau surau dalam sempadan kariah masing-masing.
- 3.2 Garis panduan ini adalah sebagai panduan dan rujukan kepada seluruh anggota Jawatankuasa Kariah dan Jawatankuasa Surau bagi tujuan pendaftaran ahli kariah berdasarkan sempadan masjid dan surau yang ditetapkan.
- 3.3 Garis Panduan ini telah dibangunkan dengan kerjasama Bahagian Undang- Undang MAIS, Bahagian Pengurusan Masjid JAIS dan Pejabat Agama Islam Daerah.

3.4 Garis Panduan ini telah dibentangkan dan dipertimbangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor Bil. 2/2019 yang bersidang pada 17 April 2019. Seterusnya, Garis Panduan ini juga telah diluluskan oleh Mesyuarat MAIS Bil. 4/ 2019 yang bersidang pada 28 Mei 2019.

4. TUJUAN

Garis panduan ini diwujudkan dengan matlamat utama untuk –

- a) Memastikan proses bancian dan pendaftaran daftar ahli kariah yang bermastautin atau bermukim dalam kariah masjid dan surau dapat dikemaskini sebagaimana kehendak peraturan 10(i), 18(l), 20(k), 30(k), 31(i) dan 36(k) Peraturan-peraturan Masjid dan Surau (Negeri Selangor) 2017.
- b) Mendaftarkan ahli kariah secara teratur dan sistematik.
- c) Menjadi rujukan dalam urusan penentuan status ahli kariah dalam Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan bagi anggota Jawatankuasa Kariah atau Jawatankuasa Surau.

5. PENETAPAN AHLI KARIAH

5.1 SYARAT-SYARAT AHLI KARIAH YANG LAYAK BERDAFTAR

5.1.1 Pendaftaran ahli kariah Masjid dan Surau dilaksanakan bagi memenuhi kehendak Peraturan-Peraturan Masjid dan Surau (Negeri Selangor) 2017. Bagi tujuan pendaftaran ahli kariah masjid dan surau, syarat- syarat kelayakan untuk didaftarkan sebagai ahli kariah adalah seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur 18 tahun dan ke atas bagi lelaki dan perempuan;



- c) Berpegang dan beramal dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah; dan
- d) Tinggal tetap bermukim atau bermastautin di dalam kariah masjid atau surau sekurang-kurangnya empat (4) bulan.

5.1.2 Ahli kariah surau juga adalah ahli kariah masjid yang di bawah pentadbiran masjid berkenaan.

5.2 PENETAPAN SEMPADAN KARIAH ANTARA MASJID DAN ANTARA SURAU

Bagi menentukan sempadan ahli kariah antara masjid dan surau, Jawatankuasa Kariah atau Jawatankuasa Surau hendaklah berpandukan perkara berikut:

- a) Menggunakan persempadanan yang dipersetujui bersama oleh Pejabat Agama Islam Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Daerah dan Tanah; dan
- b) Persempadanan tersebut telah diluluskan oleh Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor.

5.3 PERANAN JAWATANKUASA KARIAH DAN JAWATANKUASA SURAU

Bagi memastikan daftar ahli kariah sentiasa dikemaskini, Jawatankuasa Kariah khususnya Nazir dan Setiausaha dan Jawatankuasa Surau khususnya Pengerusi dan Setiausaha hendaklah mengambil langkah-langkah berikut :

- a) Hebahan
 - i. Pengumuman berhubung keperluan mengemaskini atau mendaftarkan diri sebagai ahli kariah sebelum solat Jumaat;





- ii. Pengumuman melalui laman sesawang (website) dan media sosial;
 - iii. Edaran borang dan membuat banciaan dari rumah ke rumah oleh anggota Jawatankuasa Kariah atau Jawatankuasa Surau; atau
 - iv. Mewujudkan apa-apa aplikasi atas talian (on-line) yang bersesuaian untuk pendaftaran ahlikariah dengansyarat memenuhi kehendak garis panduan ini.
- b) Mewujudkan rekod daftar ahli kariah.
 - c) Mengemaskini rekod daftar ahli kariah secara berkala dua (2) kali setahun.
 - d) Mempamerkan senarai nama ahli kariah masjid atau surau mengikut abjad dalam tempoh 30 hari atau selewat-lewatnya 14 hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Tahunan, Mesyuarat Agung Khas atau Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa bagi Jawatankuasa Kariah dan Jawatankuasa Surau di Negeri Selangor.

5.4 KAEDAH PENDAFTARAN AHLI KARIAH

Berikut adalah tatacara pendaftaran ahli kariah:

- a) Ahli kariah mengisi borang pendaftaran ahli kariah masjid dan surau Negeri Selangor melalui borang atau aplikasi on-line;
- b) Mengembalikan borang pendaftaran ahli kariah yang lengkap kepada Setiausaha Jawatankuasa Kariah atau Setiausaha Jawatankuasa Surau dan perakuan pengesahan ahli kariah oleh Nazir masjid atau Pengerusi surau;



- c) Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kariah atau Jawatankuasa Surau menyemak, mempertimbangkan dan meluluskan pendaftaran ahli kariah;
- d) Ahli kariah yang telah berdaftar di bawah kariah surau yang terletak di bawah seliaan mana-mana masjid, adalah diterima sebagai ahli kariah masjid yang berkenaan; dan
- e) Jawatankuasa Kariah atau Jawatankuasa Surau hendaklah memaparkan senarai terkini ahli kariah untuk semakan dan makluman kepada ahli kariah.

5.5 LUCUT KEAHLIAN SEBAGAI AHLI KARIAH

Status keahlian ahli kariah boleh lucut atau hilang atas alasan yang berikut:

- a) Tidak bermastautin atau bermukim di dalam kariah berkenaan;
- b) Meninggal dunia; atau
- c) Gila.

5.6 BANTAHAN / ADUAN / KECICIRAN

Mana-mana pihak boleh mengemukakan bantahan, aduan atau memaklumkan kecaciran senarai dalam rekod daftar ahli kariah disebabkan alasan yang dinyatakan dalam Garis Panduan 5.5 mengikut tatacara yang berikut:

- a) Mengemukakan bantahan/aduan/kecaciran kepada Nazir Masjid / Pengerusi Surau secara bertulis.
- b) Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kariah Masjid atau Surau menentukan penerimaan atau penolakan sesuatu bantahan / aduan dalam tempoh 7 hari dari tarikh bantahan atau aduan diterima.





- c) Senarai daftar ahli kariah hendaklah dikemaskini setelah keputusan dibuat oleh Jawatankuasa Kariah atau Jawatankuasa Surau .

6. TARIKH KUATKUASA

Garis panduan ini hendaklah berkuat kuasa mulai 1 Julai 2019.

7. PEMANSUHAN

Dengan berkuat kuasanya garis panduan ini maka Garis Panduan Penetapan Status Ahli Kariah Masjid Dan Surau Negeri Selangor yang telah dikeluarkan pada 16 Julai 2018 adalah dimansuhkan.

Setiausaha
Majlis Agama Islam Selangor



BORANG PENDAFTARAN AHLI KARIAH MASJID DAN SURAU NEGERI SELANGOR



Kariah Masjid / Surau :

BAHAGIAN A : BUTIRAN AHLI KARIAH

1. Nama Pemohon
2. No. Kad Pengenalan

 (Sertakan salinan kad pengenalan)
3. Alamat Dalam Kad Pengenalan / Passport
4. Alamat Tempat Tinggal Sekarang
5. No. Telefon Rumah

 H/P

E-MAIL: _____
6. Status Perkahwinan Bujang Sudah Berkahwin
7. Tempoh Masa Telah Menetap Adalah

 Tahun / Bulan

.....
Tandatangan

Tarikh:

BAHAGIAN B : PERAKUAN PENGESAHAN AHLI KARIAH

**Ulasan Pengerusi JKKK / Pengerusi Jawatankuasa Penduduk/
Setiausaha Masjid/ Setiausaha Surau**

.....
.....

.....
T / Tangan
Cop Rasmi

Ulasan Nazir Masjid / Pengerusi Surau

.....
.....

.....
T/ Tangan
Cop Rasmi

BAHAGIAN C : KEPUTUSAN PERMOHONAN

Diluluskan / Tidak Diluluskan

.....
(Pengerusi Mesyuarat Jawatankuasa Kariah / Jawatankuasa Surau)





Bahagian Pengurusan Masjid,

Jabatan Agama Islam Selangor,

Tingkat 9, Menara Selatan

Bangunan Sultan Idris Shah

40676 Shah Alam Selangor

Tel 03 5514 3600

Fax 03 55109166
